

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN  
[ SEPANGGAR ]**

**SOALAN**

**YB DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [ SEPANGGAR ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan strategi yang akan dilakukan bagi memulihkan kembali industri pelancongan di negeri Sabah pada pasca Perintah Kawalan Pergerakan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana semua sedia maklum, penularan wabak COVID-19 telah memberi impak negatif yang sangat besar bukan sahaja kepada industri pelancongan tempatan, malah turut memberi kesan kepada industri pelancongan global. Bagi Malaysia, berikutan pengisytiharan dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengumumkan pembatalan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 dengan serta-merta.
2. Justeru, MOTAC telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan dalam usaha membantu industri pelancongan dan kebudayaan untuk bangkit semula. Kejayaan Malaysia dalam membendung penularan pandemik COVID-19 telah membolehkan sektor pelancongan domestik beroperasi semula bermula 10 Jun 2020 yang lalu. Perkembangan ini membolehkan penggiat industri pelancongan aktif semula dan merencanakan semula aktiviti pelancongan yang terjejas ketika tempoh pelaksanaan PKP dan PKPB yang lalu.
3. Insentif dan bantuan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS TAMBAHAN dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah disediakan oleh Kerajaan untuk membantu pemain industri pelancongan di negeri Sabah dan seluruh negara meneruskan kelangsungan aktiviti sedia ada serta menambahbaik produk-produk industri pelancongan. MOTAC turut melaksanakan beberapa inisiatif khusus bagi membantu penggiat industri secara langsung.
4. Dalam pada masa yang sama, Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk terus merencanakan semula pelancongan domestik dengan memulihkan kembali keyakinan orang awam untuk kembali melancong.
5. Selain itu, Tourism Malaysia, agensi di bawah MOTAC, menggerakkan Pejabat Penyeliaan (*Tourist Information Centre-TIC*)

Sabah untuk sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Sabah, Lembaga Pelancongan Sabah serta penggiat industri pelancongan di negeri ini bagi mempercepatkan lagi pemulihan industri pelancongan di Sabah menerusi publisiti dan promosi seperti:

- (i) menganjurkan siri-siri webinar dengan menjemput para penggiat industri pelancongan bagi menjadi ahli panel. Antara contohnya ialah Program Sembang Santai Bersama Penggiat Industri Pelancongan dan Rakan Media berjudul “Kota Belud, Destinasi Pelancongan Millenial” yang disiarkan secara langsung pada 7 Julai 2020 pada laman Facebook rasmi Tourism Malaysia;
- (ii) promosi-promosi produk pelancongan negeri Sabah melalui laman media sosial dan digital melalui laman web Tourism Malaysia dan Youtube serta media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram;
- (iii) promosi melalui media elektronik antaranya membabitkan rangkaian radio dan rancangan TV milik RTM seperti program Selamat Pagi Malaysia dan Sabah FM. Melalui program-program ini, pemilik agensi dan pengusaha produk pelancongan di negeri Sabah diberi peluang untuk mempromosikan pakej-pakej pelancongan serta destinasi-destinasi menarik di negeri Bawah Bayu ini; dan
- (iv) menyebarkan maklumat mengenai produk-produk pelancongan negeri Sabah bukan sahaja di TIC Sabah, malah turut disebarikan melalui Pejabat Wilayah Tourism Malaysia dan 19 buah TIC di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.